

07/10/1998

Kerajaan patuhi larangan hakim

KUCHING, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan menghormati keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang melarang orang ramai membuat sebarang kenyataan berhubung tuduhan ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan mematuhi larangan yang dikeluarkan oleh Hakim Datuk S Augustine Paul itu dan tidak akan bercakap mengenai kes berkenaan.

Bagaimanapun, beliau mahu peguam yang mewakili bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga harus mematuhi kepada keputusan mahkamah.

"Nampak peguam dia nak sekat kita punya kebebasan bersuara. Kita hormat. Kalau hakim kata jangan bercakap, kita tak bercakap.

"Tapi mereka juga harus patuh kepada keputusan hakim dan keputusan mahkamah. Jangan harap orang lain saja patuh, mereka tak patuh," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan sehari ke sini, hari ini.

Anwar yang dipecat daripada Kabinet dan Umno awal bulan lalu akan dibicarakan dari 2 hingga 14 November ini atas empat tuduhan rasuah. Beliau juga menghadapi lima tuduhan meliwat dan satu lagi tuduhan rasuah tetapi tarikh perbicaraannya belum ditetapkan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, berikutan larangan mahkamah agar orang ramai tidak membuat kenyataan berhubung kes itu, Umno akan mengadakan penerangan secara tertutup.

Menurutnya, walaupun mahkamah mengeluarkan arahan melarang orang ramai membuat sebarang kenyataan berhubung 10 tuduhan yang dihadapi oleh Anwar, majlis penerangan mengenainya boleh diadakan secara tertutup.

"Kita tidak boleh membuat kenyataan umum tetapi boleh membuatnya secara tertutup," katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno mempersoalkan mengapa peguam yang mewakili Anwar meminta supaya kebebasan bersuara disekat sedangkan mereka selalu bercakap mengenai isu itu.

Perintah itu dikeluarkan selepas peguam utama Anwar, Raja Aziz Addruse mempersoalkan tindakan beberapa orang berjawatan tinggi yang menyatakan pendapat mereka secara terbuka mengenai tuduhan terhadap Anwar yang memberi gambaran dia memang bersalah.

Sebelum itu, ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) Ke-52, Dr Mahathir membidas pihak yang menganjurkan demonstrasi dan rusuhan dalam usaha menggulingkan kerajaan.

Menurutnya, kumpulan itu mahu menamatkan demokrasi walaupun rakyat negara ini berhak memilih kerajaan mereka melalui proses pengundian.

"Mereka memutuskan yang kerajaan harus ditumbangkan melalui demonstrasi, rusuhan dan menyindir polis supaya polis bertindak ganas terhadap mereka," katanya.

"Mereka juga cuba mendapatkan sokongan negara luar untuk mencetuskan huru-hara di negara ini kerana melihat bagaimana seorang pemimpin di sebuah negara digulingkan dan mahu mencontohnya.

"Adalah malang sekali kita mempunyai orang seperti ini yang sanggup melakukan apa saja untuk menghalang proses undang-undang dan perbicaraan yang adil supaya mereka boleh dapat apa yang mereka mahu," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia ialah negara aman dengan masyarakat majmuknya hidup harmoni kerana kerajaan melakukan apa saja dengan teratur berdasarkan undang-undang negara.

"Malaysia bukan sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berasaskan `undang-undang rakyat' yang membolehkan kerajaan dijatuhkan atau dibentuk menerusi `demonstrasi jalanan'," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Perdana Menteri yang dipilih secara demokratik mempunyai hak untuk memilih anggota Kabinet dan sesiapa yang beliau pilih diterima sebagai anggota Kabinet untuk membentuk kerajaan.

Dengan cara yang sama, Perdana Menteri berhak meminta seseorang menteri berundur atas alasan jika beliau didapati tidak mampu menjalankan tugas atau mempunyai `masalah tertentu.'

Menurutnya, orang seperti itu perlu menerima penamatan perkhidmatannya dengan sopan tanpa menyebabkan masalah dan jika beliau didapati melakukan sesuatu yang salah, beliau akan dihadapkan ke mahkamah.

"Sebelum ini, kita pernah mempunyai Ketua Menteri dan Menteri Persekutuan yang pernah menghadapi tuduhan membunuh dan dijatuhkan hukuman mati tetapi hukuman itu kemudiannya diringkankan menjadi penjara seumur hidup oleh Agung. Itu pernah berlaku," katanya.

(END)